



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

PELANCARAN VIRTUAL RESIDENSI PRIHATIN

**22 FEBRUARI 2021 (ISNIN)
10.00 PAGI
DEWAN SERBAGUNA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Bismillahirahmannirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Salam Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin,

Yang Berbahagia Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar,

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain,

Presiden Perbadanan Putrajaya

Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Mahadi Bin Che Ngah,

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Tuan-tuan dan puan-puan yang menonton secara virtual pada hari ini.

1. Alhamdulillah,syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama pada pagi Isnin yang berbahagia ini untuk menyaksikan satu lagi pelaksanaan agenda pembangunan oleh Kerajaan iaitu Perumahan Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan, khususnya di Wilayah Persekutuan Putrajaya ini.

2. Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) iaitu untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (decent standard of living) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030. Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa PRIHATIN dengan keperluan perumahan di kalangan rakyat, lantas mengambil pendekatan proaktif dengan penyediaan rumah mampu milik yang bersasar mengikut kategori pendapatan. Ini adalah selari dengan teras Kesejahteraan Sosial, WKB dalam mencapai matlamat Kerajaan menyediakan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki bagi kelompok rakyat yang memerlukan. Residensi Prihatin merupakan

program Perumahan Mampu Milik dalam kategori kos sederhana rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

3. Objektif utama projek pembangunan RP di bawah Inisiatif Wilayah Prihatin ini adalah salah satu usaha Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah B40 untuk memiliki kediaman.

4. Sebelum ini, Kementerian Wilayah Persekutuan hanya memberikan fokus kepada Rumah Mampu Milik kategori rumah kos sederhana melalui Residensi Wilayah (RW) untuk golongan berpendapatan sederhana M40 dengan harga jualan sehingga RM300 ribu seunit. Pengenalan RP ini akan menjadi pelengkap kepada program perumahan sedia ada dalam usaha Kerajaan untuk membantu golongan yang kurang kemampuan untuk memiliki tempat tinggal yang selesa dengan persekitaran yang selamat dan sejahtera.

5. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menjalankan kerjasama erat dengan sektor swasta yang komited untuk membina Residensi Prihatin yang berkualiti dengan penyediaan kemudahan awam yang lengkap.

RESIDENSI PRIHATIN REALISASI SASARAN KWP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Secara keseluruhannya, pelaksanaan Residensi Prihatin ini juga diharap dapat membantu Kerajaan merealisasikan sasaran KWP membina sebanyak 10,000 unit rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 3 tahun mulai 2021 hingga 2024. Malahan Kerajaan komited dan bersedia untuk menawarkan lebih unit berdasarkan kepada permintaan di mana di kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya

sahaja telah dicadangkan pembinaan sebanyak 12,253 unit kediaman Residensi Prihatin.

7. Sebagai contoh, Residensi Prihatin Kenanga dan Melur di Presint 19 yang akan dibangunkan ini mempunyai 1,592 unit kediaman dengan nilai pembangunan (GDV) lebih RM350 juta, di mana 50% daripada jumlah unit pembangunan ini akan diperuntukkan kepada Kuota Bumiputera bagi mengatasi masalah pemilikan rumah khususnya oleh golongan belia yang telah berkahwin daripada kumpulan B40 berpendapatan rendah. Keutamaan juga akan diberikan kepada golongan Bumiputera dan penjawat awam untuk memiliki rumah Residensi Prihatin di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pada masa ini, difahamkan senarai menunggu bagi kuarters Kerajaan adalah berjumlah lebih kurang 20,000 orang pemohon dan mereka merupakan pemohon yang berpotensi.

8. Saya turut difahamkan bahawa pembangunan Residensi Prihatin ini turut meliputi kemudahan seperti surau, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, gelanggang badminton, taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta. Ini semua disediakan bagi menyediakan persekitaran hidup yang lebih kondusif dan berkualiti.

9. Malahan Kementerian Wilayah Persekutuan telah menetapkan semua harga rumah mampu milik Residensi Prihatin ini adalah berharga tidak melebihi RM200,000.00 dan ke bawah iaitu lebih rendah daripada harga pasaran dengan keluasan lantai minimum 750 kaki persegi (kps) seunit.

PELANCARAN LOGO DAN PORTAL RESIDENSI PRIHATIN

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Pada hari ini, suka saya ingin maklumkan juga bahawa hari ini turut diadakan pelancaran Logo dan Portal Residensi Prihatin di mana orang awam yang berminat untuk memiliki kediaman RP boleh membuat pendaftaran minat secara online di portal Residensi Prihatin. Permohonan adalah terbuka kepada mereka yang mempunyai pendapatan kasar tidak melebihi RM5,000 sebulan dan permohonan untuk rumah pertama sahaja. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon belia yang telah berkahwin.

11. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut dan berminat mengenai projek RP ini boleh melayari Portal Residensi Prihatin dan membuat pendaftaran secara online mulai 23 Februari 2021.

12. Di sini, saya menyeru kepada semua pihak yang berkelayakan untuk tidak melepaskan peluang keemasan ini dengan terus berdaftar/ memohon projek-projek perumahan RP yang akan dibangunkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

13. Kerajaan juga telah memutuskan Perbadanan Putrajaya sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) dipertanggungjawabkan untuk menyelaras perancangan, pelaksanaan serta pembangunan kesemua sepuluh (10) projek Residensi Prihatin yang telah ditetapkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya di bawah seliaan Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini bagi memastikan pembangunan perumahan skim ini dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan serta dapat diuruskan dengan berkesan bagi mencapai kualiti pembinaan bangunan

yang baik demi imej Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

14. Kerajaan juga sedang mengkaji dan meneliti kaedah bagi membolehkan pemohon rumah mampu milik mendapat pinjaman selain daripada institusi kewangan sekiranya mereka berdepan kesukaran mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan tempatan sedia ada. Ini bagi membantu mempermudahkan serta mengurangkan masalah kesukaran bakal pembeli mendapatkan pembiayaan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah B40. Misalnya melaksanakan pendekatan konsep pemilikan kediaman dengan mewujudkan Skim Sewa-Untuk-Beli (Rent-To-Own/RTO) di mana pembeli tidak perlu mengeluarkan wang pendahuluan 10% dan boleh terus mendiami rumah tersebut. Perkara ini akan diperhalusi dengan lebih mendalam lagi bersama-sama pihak pemaju dan institusi kewangan yang sedia ada untuk bersama-sama menjayakan skim ini.

TAHNIAH KEPADA PEMAJU

15. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia, Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zaki, Presiden Perbadanan Putrajaya dan pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya yang sentiasa komited di dalam apa jua amanah yang diberikan khususnya kepada para petugas/ urusetia/ jawatankuasa kerja, pemaju Protasco Development Sdn. Bhd. dan perunding yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini.

16. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak pemaju Protasco Development

Sdn. Bhd. selaku rakan jalinan kerjasama yang telah bersama-sama dengan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya menjayakan majlis bersejarah virtual hari ini.

17. Dikesempatan ini juga, saya juga merakamkan tahniah kepada lima (5) pemaju projek Residensi Prihatin yang menerima Letter of Intent (LoI) iaitu Residensi Prihatin Kenanga P19 dan Residensi Prihatin Melur P19 yang akan dibangunkan oleh Tetuan PROTASCO DEVELOPMENT SDN. BHD., Residensi Prihatin Cempaka P19 oleh Tetuan GN HOMELAND SDN. BHD., Residensi Prihatin Cengkikh P16 oleh Tetuan APEX COMMUNICATIONS SDN. BHD. dan Residensi Prihatin Sentral P7 oleh PAN SEJATI DEVELOPMENT SDN. BHD.

18. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya dengan ini menyempurnakan PELANCARAN LOGO DAN PORTAL RESIDENSI PRIHATIN, SESI PECAH TANAH RESIDENSI PRIHATIN KENANGA DAN MELUR, PRESINT 19 SERTA SERAHAN LOI KEPADA PEMAJU-PEMAJU YANG DILANTIK.

Sekian, Wabilahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.